

# 4 tahun tertanggung

Projek lebar sungai mungkin dibatal ekoran DBKL gagal pindah setinggan


**K**UALA LUMPUR: Projek pelebaran Sungai Klang bagi tebatan banjir di Jalan Klang Lama berhampiran pusat beli-belah Mid Valley, di sini yang terbengkalai sejak empat tahun lalu mungkin dibatalkan ekoran kegagalan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merobohkan rumah setinggan di kawasan berkenaan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid berkata ia terpaksa dilakukan kerana projek yang bernilai RM34 juta itu sepatutnya siap tahun lepas tetapi pihak kontraktor yang dilantik tidak dapat menjalankan kerja kerana pihak DBKL gagal merobohkan 90 rumah setinggan di kawasan projek.

Beliau yang melawat tapak projek itu di sini, berkata mengikut kontrak yang ditandatangani antara syarikat kontraktor Bumiputera Destinasi Waja dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), rumah setinggan berkenaan sepatutnya dirobohkan pada 1993 oleh DBKL.

"Kerja mengorek sungai tidak dapat dilaksanakan disebabkan wujud perkampungan setinggan terbabit.

"Pihak kontraktor tidak dapat meneruskan projek kerana menunggu JPS dan DBKL menjalankan tugas mereka. Ia berlarutan selama empat tahun dan mereka beberapa kali berjumpa dengan saya (mengenai rumah setinggan) dan ternyata ia be-



**AZMI...pihak kontraktor tidak dapat menjalankan kerja**

nar," katanya.

Ditanya tindakan seterusnya, Azmi berkata beliau akan mengadakan mesyuarat esok dengan semua pihak terbabit sebelum melaksanakan cadangan kerajaan membatalkan kontrak itu.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Destinasi Waja, Sulaiman Kamarudin berkata sejak projek itu terbengkalai empat tahun lalu syarikat terpaksa menanggung kerugian terkumpul RM13 juta.

"Ini termasuk pembiayaan insurans, pengangkutan dan peralatan pembinaan serta pembatalan projek akan menyebabkan operasi syarikat terjejas," katanya.

Beliau berkata, 50 peratus daripada empat kilometer projek pelebaran sungai itu siap tetapi yang menjadi halangan ialah perkampungan setinggan itu.

— Bernama